

~~274~~
~~42/79~~

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONI SEBAGAI PRESIDEN,
PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA MALAYSIA
DALAM MAJLIS MAKAN MALAM, DI NIRWANA
BALLROOM, HILTON HOTEL PADA 10HB OGOS,
1974 JAM 8.00 MALAM

Apun Tuanku sembah patak mohon diampun.

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong,
DYMM Raja Permaisuri Agong.

Patak, sebagai Presiden Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia menjunjung duli menyembahkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya diatas keberangkatan Seri Paduka Baginda kedua ke Majlis santapan yang tidak seperti ini. Kesudian Seri Paduka Baginda berdua mencemar duli adalah jelas menunjukkan tentang sokongan Duli-Duli Paduka kepada usaha-usaha kebajikan khususnya untuk membantu orang-orang buta di negara kita ini.

Y.B. Menteri-Menteri,
Tuan-Tuan Yang Terutama,
Duta-Duta Asing,
Def-Def Kehormat,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

3. Sambutan meriah yang diberikan oleh def-def dermawan yang dibuktikan dengan kehadiran def-def kehormat pada malam ini adalah satu tanda bahawa Persatuan ini mendapat sokongan yang besar dari masyarakat yang berada. Oleh yang demikian, sebagai Presiden Persatuan ini saya inginlah mengucapkan terima kasih diatas kesudian dan murah hati tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk membantu usaha mengutip derma bagi projek membina hostel untuk pekerja-pekerja orang buta. Hostel yang dimaksudkan ini sangat-sangat mustahak untuk memenuhi keperluan yang ada sekarang, bagi

2. Adalah menjadi tujuan dan usaha Persatuan ini melatih dan membimbing mereka yang tidak bernasib baik untuk menjadi anggota masyarakat yang berguna dan bukan menjadi manusia yang sentiasa meminta belas kasihan. Oleh yang demikian, usaha Persatuan ini bagi mengutip derma mendapat ilham dan galakkan yang besar dari Seri Paduka Tuanku berdua.

Ampun Tuanku.

menempatkan pekerja-pekerja orang buta khususnya bagi mereka yang berpendapat rendah. Hostel ini dijangka akan memakan belanja kira-kira \$170,000 dan akan siap pada akhir tahun ini.

4. Majlis Jamuan Makan Malam ini dapat kita adakan adalah hasil dari usaha pekerja-pekerja sukarela dibawah Jawatankuasa Pengelola yang diketahui oleh Datin Suhailah. Kepada beliau dan kepada seluruh anggota Jawatankuasanya yang telah bekerja keras semenjak beberapa bulan yang lalu, saya sukalah menyatakan terima kasih dan penghargaan diatas kerja-kerja cemerlang yang telah mereka tunjukkan itu. Adalah menjadi harapan kami bahawa Persatuan ini akan terus menjalankan usaha mengumpulkan derma untuk keperluan lain, dimasa depan.

5. Berthubung dengan projek asrama ini, Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia sesungguhnya merasa bertuah dan bernasib baik. Saya menyatakan demikian, kerana ia telah mendapat bantuan dari semua pihak dan dari semua punca. Kelab Rotary Kuala Lumpur, umpamanya, telah bermurah hati menderma sebanyak \$50,000 terhadap belanja projek ini. Selain dari itu, satu kumpulan Arkitek BEP, Low & Partners dan Bridgewater Coulton dan Rakan-Rakan telah bersetuju untuk menjadi pakar perunding kepada projek ini. Dan untuk tujuan menambah derma yang dikehendakki, majlis Jamuan Makan Malam ini dapat pula sekongan dan bantuan dari firma-firma, Syarikat-Syarikat dan orang-orang perseorangan. Oleh yang demikian, bolehlah diistifatkan bahawa projek ini terlaksana dengan adanya usaha bersama dari semua sektor masyarakat.

kehendak-kehendak yang makin bertambah Persatuan ini berkehendakkan jumlah Tabung Kewangan yang besar. Oleh itu sokongan dari orang ramai, peniaga-peniaga, firma-firma, kilang-kilang, Jabatan Kerajaan dan pekerja sukarela adalah sangat dikehendakki, jika sekiranya mutu perkhidmatan yang tinggi dan cekap hendak dipelihara oleh Persatuan ini dimasa yang akan datang. Dalam hubungan ini, sukalah saya menyatakan bahawa Persatuan ini sentiasa mengharapkan sokongan dari tuan-tuan sekalian dan kami berharap akan mendapat sokongan terus menerus dimasa yang akan datang.

Usaha bersama seperti ini, khususnya menuju kepada satu tujuan yang mulia, merupakan tanda harapan baik masa depan, bukan sahaja mengenai pekerja-pekerja kebajikan untuk orang-orang buta akan tetapi untuk setiap masyarakat di negara kita, pada keseluruhannya.


6. Perkhidmatan untuk orang-orang buta seperti yang diberikan oleh MAB adalah meluas dan bersungguh-sungguh. Ini termasuklah programme untuk memulihkan mereka menjadi masyarakat yang berguna dengan memberi didikan pelajaran, latihan vokesyonal dan juga pekerjaan serta langkah-langkah mencegah menjadi buta. Semua usaha ini dijalankan di negeri-negeri lain disamping di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Untuk memelihara^a dan mengekalkan perkhidmatan seperti ini, dan juga untuk mengadakan projek baharu bagi memenuhi

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

7. Persatuan Orang-Orang Buta dan Jawatankuasa Jaman ini adalah merasa tertutang budi dan berterima kasih khasnya kepada Syarikat-Syarikat yang telah memberi derma yang besar bagi menjayakan jaman ini, terutamanya dalam memberi dan membelanjakan untuk makanan dan lain-lain. Sumbangan yang telah mereka berikan telah melebihi dari matlamat yang patut dikumpulkan oleh Jawatankuasa ini iaitu \$30,000. Saya sungguh gembira kerana jumlah derma yang diterima pada malam ini adalah sebanyak \$81,500/= . Pada mereka yang menjadi penganjur dan juga kepada tiap-tiap orang yang telah menderma terhadap majlis ini samaadengan wang tunai, barang-barang dan perkhidmatan saya sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

8. Akhirnya kami Persatuan Orang-Orang buta inginlah juga merakamkan bagaimana gembiranya Persatuan ini kerana jamuan yang diadakan telah dapat disertai oleh keberangkatan Duli-Duli Paduka Baginda yang telah berada bersama-sama dengan kita. Oleh itu, kepada semua pihak yang telah memberikan semua sokongan, bantuan saya sekali lagi mengucapkan penghargaan yang setingginya dari Persatuan ini serta mengucapkan terima kasih.

.....



No. 201
201/201



No Siri	599
No Penerimaan	109/79